

PENYEBAB PENCEMARAN UDARA

Written by Nurul Aina Ibrahim Istar
Monday, 31 January 2011 10:41

http://www.konsumerkini.net.my/v1/images/stories/image2011/images_20110131_air.jpg



Pencemaran, pencemaran, pencemaran. Di mana-mana sahaja pasti ada pencemaran. Tidak kiralah, pencemaran udara, bunyi, air, tanah, malah ada juga pencemaran mata.

Apa itu pencemaran? Bagaimana pencemaran boleh berlaku? Siapa yang mengundang pencemaran? Salah siapa dan tanggungjawab siapa? Hmm...Kalau diikutkan, memang banyak boleh dikaitkan dengan pencemaran.

Bahan-bahan pencemaran boleh dibahagikan kepada dua kumpulan utama iaitu bahan-bahan pencemaran peringkat pertama dan peringkat kedua. Bagi pencemaran peringkat pertama, sumbernya boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu sumber semula jadi, sumber yang dihasilkan oleh kegiatan manusia dan sumber semula jadi yang digalakkan manusia.

Pencemaran peringkat kedua pula berlaku hasil daripada interaksi di antara dua ataupun lebih bahan-bahan pencemaran peringkat pertama, ataupun hasil daripada reaksi dengan komponen-komponen atmosfera sama ada disebabkan oleh kesan fotokimia ataupun tidak.

Seperti yang sedia maklum, sebahagian besar daripada bahan-bahan pencemaran yang terdapat di udara adalah hasil daripada kegiatan manusia secara langsung ataupun tidak. Terdapat juga bahan pencemaran yang dikeluarkan oleh sumber semula jadi seperti letusan gunung berapi, kebakaran daripada kilat-petir di kawasan kerig terutama semasa musim kemarau, hempasan air laut, tiupan habuk berikutan angin kencang di kawasan tropika, sumber debunga serta bakteria dan virus.

Jika diikutkan, sejauhmana kesannya pencemaran yang dihasilkan oleh sumber semula jadi, jika dibandingkan dengan kegiatan manusia. Antara faktor utama yang menyumbang kepada pencemaran udara adalah proses pembakaran oleh manusia. Bahan-bahan cemar ini terbahagi kepada dua iaitu zarah ('abu' dan 'sut') dan gas. 'Abu' merangkumi bahan organik dan bukan organik, manala 'sut' pula ialah zarah-zarah karbon yang halus, yang merupakan komponen penting dalam asap.

PENYEBAB PENCEMARAN UDARA

Written by Nurul Aina Ibrahim Istar
Monday, 31 January 2011 10:41

Pencemaran gas berlaku akibat daripada pelbagai jenis gas yang dilepaskan ke udara seperti sulfur dioksida (SO₂), karbon monoksida (CO), karbon dioksida (CO₂), hidrokarbon (HC) dan oksida-oksida nitrogen (NO_x). Biasanya, gas-gas ini dianggap sebagai pencemaran 'simbol status' kerana beranggapan hanya negara-negara yang maju, membangun dan berteknologi tinggi sahaja yang mengalaminya. Oleh itu, sekiranya alam sekitar ingin dipelihara dan berubah kepada kehijauan, maka negara-negara inilah yang perlu berubah serta memainkan peranan mereka terlebih dahulu bagi mengurangkan pelepasan gas-gas rumah hijau tersebut.

Nurul Aina Ibrahim Istar
Forum Air Malaysia